

B643:
MAHATHIR-JEPUN

1982

KOTA BAHARU, 22 FEB (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI SARANANNYA SUPAYA RAKYAT MALAYSIA MENCONTOHI JEPUN DAN KOREA TIDAK MELIPUTI SYOR SUPAYA MEREKA MEMAKAI KIMONO, MEMBAWA PEDANG SAMURAI, MENGADAKAN MAJLIS TEH ATAUPUN MENGAMALKAN FAHAMAN ZEN BUDDISMA.

PERDANA MENTERI BERKATA SARANAN-SARANANNYA ITU HANYALAH SUPAYA RAKYAT MENCONTOHI SEMANGAT, SIKAP DAN CARA BEKERJA RAKYAT NEGARA-NEGARA ITU DAN TIDAK LEBIH DARIPADA ITU.

+KITA MEMPUYAI AGAMA DAN ADAT RESAM YANG SENDIRI DAN TIDAK PERLU BAGI KITA MENCONTOHI ADAT RESAM RAKYAT KEDUA-DUA BUAH NEGARA TERSEBUT, + TEGASNYA.

BELIAU MENYATAKAN INI SELEPAS MENDENGAR TAKLIMAT MENGENAI PEMBANGUNAN KELANTAN DI BILIK GERAKAN NEGERI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, BELIAU MEMANDANG TINGGI KEPADA JEPUN DAN KOREA KERANA KEMAJUANNYA YANG TERKEMUKA HASIL DARI-PADA SIKAP KUAT BEKERJA, DISIPLIN DAN TAAT SETIA PEKERJA-PEKERJA DI NEGARA-NEGARA TERSEBUT. -- BERSAMBUNG 1909/A1

B644:
MAHATHIR-JEPUN 2 KOTA BAHARU

SEBAGAI CONTOH TENTANG SEMANGAT ORANG-ORANG JEPUN BELIAU MENYEBUT SIKAP PARA PEKERJA JEPUN TIDAK BALIK AWAL DARI PEJABAT ATAU KILANG KERANA TIDAK MAHU DICAP SEBAGAI ORANG YANG TIDAK BERGUNA.

ISTERI PARA PEKERJA JEPUN JUGA TIDAK SUKA MELIHAT SUAMI MEREKA PULANG AWAL KERANA TAKUT DICAP OLEH JIRAN-JIRAN KERANA PUNYA SUAMI YANG TIDAK BERGUNA.

PERDANA MENTERI BERKATA, PARA PEKERJA JEPUN JUGA AMAT DISIPLIN DAN SENTIASA MEMATUHI PARA PEGAWAI ATASAN WALAUPUN KADANGKALA PEGAWAI-PEGAWAI TERSEBUT TIDAK BEGITU CEKAP.

SELAIN ITU MEREKA JUGA TIDAK AKAN MENENTANG ARAHAN DAN KEPUTUSAN YANG DIBUAT OLEH PARA PEGAWAI ATASAN WALAUPUN KADANGKALA KE-PUTUSAN YANG DIBUAT AGAK SUKAR DILAKSANAKAN.

SEBALIKNYA MEREKA AKAN BERUSAHA DENGAN GIGIH UNTUK MENJAYAKAN ARAHAN DAN KEPUTUSAN-KEPUTUSAN TERSEBUT.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, DALAM PADA ITU PARA PEGAWAI ATASAN JEPUN PULA MEMPUYAI SIKAP SEDIA MENDENGAR PANDANGAN-PANDANGAN DARI SEMUA PIHAK DAN TIDAK MENGENEPIKAN MANA-MANA GOLONGAN PEKERJANYA. -- BERSAMBUNG 1919/A1

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PARA PEKERJA KOREA JUGA KUAT BEKERJA MALAH BEKERJA LEBIH KERAS DARIPADA ORANG-ORANG JEPUN. DI NEGARA ITU PARA PEKERJANYA TIDAK AKAN PULANG SELAGI PEGAWAI ATASAN MEREKA MASIH BERADA DI PEJABAT. -- BERNAMA 1920/A1

MAHATHIR-JEPUN 3 KOTA BAHARU

B648: